

24/10/1999

KDN panggil editor akhbar

KANGAR: Kementerian Dalam Negeri (KDN) memanggil editor sebuah akhbar, baru-baru ini, kerana menyiarkan laporan keterlaluan menjelang pilihan raya umum akan datang.

Timbalan menterinya, Datuk Azmi Khalid, berkata selepas pertemuan itu, terdapat perubahan pada akhbar berkenaan dengan tidak lagi menyiarkan berita yang terlalu menghentam kerajaan.

Beliau berkata, pihaknya akan terus memantau setiap akhbar dengan memastikan laporan berita mengikut fakta sebenar.

"Buat masa ini, kita belum memanggil pengarang Harakah untuk memberi penjelasan," katanya di sini, semalam.

Ditanya mengenai taktik Harakah menggunakan kartun bagi menjejaskan imej seseorang pemimpin terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Azmi berkata:

"Kita sedar mengenai perbuatan mereka, termasuk meletakkan lambang bintang berbucu enam (Star of David) di lakaran muka Dr Mahathir bagi meracun pemikiran orang ramai kononnya Perdana Menteri seorang zionis.

"KDN sedang menimbang undang-undang tertentu yang boleh diambil terhadap pihak terbabit," katanya.

(END)